



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



HARI ISNIN

25 Zulhijjah 1443 / 25 Julai 2022

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
مَدِّ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa dalam masa satu minggu kebelakangan ini, jumlah kes COVID-19 yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam adalah pada kadar purata kira-kira 1,199 kes setiap hari. Sebanyak 73,631 keputusan ujian ART telah dimuatnaik ke aplikasi *BruHealth* dalam masa satu minggu di mana 11.3% daripadanya adalah keputusan ujian ART yang positif.



- i) Pada hari ini, sebanyak **1 kes** berada di dalam Kategori 5 yakni memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU) manakala **6 kes** berada di dalam Kategori 4 iaitu memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

- ii) Sepertimana dalam masa minggu-minggu sebelum ini, lebih 99% daripada kes-kes yang dikesan dalam masa satu minggu kebelakangan telah dikategorikan di dalam Kategori 1 atau 2 dan tidak memerlukan rawatan di hospital.

iii) Sehingga kelmarin, 24 Julai 2022, kadar liputan vaksinasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam adalah seperti berikut,

- **74.6%** daripada keseluruhan rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan dos ketiga vaksin manakala **6.2%** juga telah mendapatkan dos keempat;
- Sebanyak **79.2%** daripada kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun telah mendapatkan dos kedua vaksin;
- Manakala **52.7%** remaja berumur 12 hingga 17 tahun telah mendapatkan dos ketiga vaksin.

2. Pada hari ini, sebanyak **1,024 kes baru** telah dilaporkan iaitu 1,009 kes hasil ujian ART dan 15 kes adalah hasil dari 341 ujian makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu.
3. Orang ramai adalah diingatkan untuk memuatnaik keputusan ujian ART, samada positif atau negatif ke aplikasi *BruHealth* untuk membantu Kementerian Kesihatan memantau situasi jangkitan.
4. Semoga Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara dari segala bencana dan wabak penyakit serta berada di dalam perlindungan

Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua. Aamiin Aamin
Ya Rabbalamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 25 Zulhijjah 1443H / 25 Julai 2022